

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa kerugian yang pihak bank tanggung berikutan pelaksanaan moratorium bayaran balik pinjaman yang berakhir 30 September 2020 dan bilangan peminjam yang diberikan lanjutan tempoh bagi meringankan bebanan kewangan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memberikan moratorium automatik antara April hingga September 2020 ke atas pinjaman bank selama 6 bulan sebagai sebahagian langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN) untuk membantu meringankan beban rakyat dan perniagaan.
2. Seperti yang telah diumumkan dalam laporan LAKSANA, nilai yang dianggarkan untuk moratorium 6-bulan berjumlah kira-kira RM100 bilion, dengan kira-kira RM35 bilion kepada PKS dan RM65 bilion kepada peminjam individu. Seramai 7.7 juta peminjam individu dan 243,000 PKS yang telah menikmati kemudahan ini.
3. Untuk program Moratorium Lanjutan dan Bantuan Bank Bersasar yang bermula Oktober 2020, sekitar 650,000 permohonan untuk bantuan bayaran balik pinjaman telah diterima dengan kadar kelulusan sebanyak 98%. Daripada permohonan yang diluluskan:

NO SOALAN : 42

- a. 40% telah memohon pelanjutan moratorium. Mereka terdiri terutamanya daripada individu yang baru sahaja kehilangan pekerjaan serta perniagaan dalam sektor yang mungkin masih mengalami kekangan operasi yang ketara akibat pandemik; dan
- b. 60% telah memilih pengurangan bayaran ansuran bulanan. Mereka terdiri terutamanya daripada peminjam yang pendapatannya telah berkurang.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Dengan bank terus meluluskan hampir kesemua permohonan bantuan bayaran balik pinjaman, Kerajaan ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman terus disediakan kepada mereka yang terjejas. Mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.

Sekian, terima kasih.